



## FAQ Pakej Perpaduan Jalur Lebar Tetap (*Home Internet*)

---

### 1) Apa itu Pakej Perpaduan Jalur Lebar Tetap (*Home internet*)?

Pakej Perpaduan Jalur Lebar Tetap (*Home internet*) adalah pakej khas untuk warganegara Malaysia yang layak bagi membantu mereka menangani peningkatan kos sara hidup dengan menawarkan Pakej Internet Jalur Lebar Tetap (*Home Internet*) yang lebih murah berbanding harga pakej semasa di pasaran. Pakej ini tertakluk kepada Terma dan Syarat dari syarikat penyedia perkhidmatan telekomunikasi yang terlibat iaitu Telekom Malaysia, CelcomDigi, Maxis dan YTL Communications.

### 2) Apakah tawaran bagi Pakej Perpaduan Jalur Lebar Tetap (*Home internet*)?

Pengguna boleh menikmati perkhidmatan internet dengan kelajuan 30Mbps, data tanpa had (*unlimited*), pada harga lebih murah iaitu RM69 sebulan dengan kontrak selama 24 bulan.

### 3) Siapakah yang layak untuk melanggan Pakej Perpaduan Jalur Lebar Tetap (*Home internet*)?

Pakej Perpaduan Jalur Lebar Tetap (*Home internet*) terbuka kepada Warganegara Malaysia yang tergolong dalam kategori berikut:

- a) Warga Emas (60 tahun dan ke atas);
- b) Veteran Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Pesara Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Pesara Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM);
- c) Orang Kurang Upaya; dan
- d) Kumpulan Berpendapatan B40 (isi rumah berpendapatan RM4,850 sebulan dan kebawah).

**4) Dimanakah pengguna boleh mendaftar Pakej Perpaduan Jalur Lebar Tetap (*Home internet*)?**

Untuk pelanggan baru, pendaftaran boleh dibuat secara bersemuka di pusat/ kios ataupun secara dalam talian melalui laman sesawang syarikat penyedia perkhidmatan telekomunikasi yang terlibat.

Untuk pelanggan yang sedang menggunakan perkhidmatan jalur lebar tetap daripada syarikat penyedia perkhidmatan telekomunikasi yang menawarkan Pakej Perpaduan Jalur Lebar Tetap (*Home internet*), pelanggan boleh berhubung dengan syarikat penyedia perkhidmatan telekomunikasi berkenaan untuk mendapatkan maklumat mengenai tawaran pakej sekiranya termasuk dalam golongan sasaran yang ditetapkan.

**5) Berapakah had langganan Pakej Perpaduan Internet Jalur Lebar Tetap (*Home Internet*) yang boleh saya langgani?**

Hanya satu sahaja langganan Pakej Perpaduan Internet Jalur Lebar Tetap (*Home Internet*) yang dibenarkan bagi setiap dokumen pengenalan (Kad Pengenalan/ Kad Pesara/ Kad Veteran/ Kad OKU) pengguna.

**6) Apakah dokumen yang diperlukan bagi mendaftar untuk Pakej ini?**

Memandangkan Pakej ini disasarkan kepada golongan tertentu, dokumen-dokumen berikut diperlukan untuk pengesahan:

Kategori Pengguna	Dokumen yang diperlukan
1. Warga Emas (60 tahun dan ke atas); 2. Golongan B40	i. Kad Pengenalan.

Kategori Pengguna	Dokumen yang diperlukan
3. Veteran Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Pesara Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Pesara Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM); dan	i. Kad Pengenalan; dan ii. Kad Pesara/ Veteran.
4. Orang Kurang Upaya (OKU)	i. Kad Pengenalan; dan ii. Kad OKU

**7) Bolehkah Pakej ini dilanggan oleh bukan Warganegara Malaysia?**

Pakej ini hanya boleh dilanggan oleh Warganegara Malaysia.

**8) Bilakah Pakej Perpaduan Jalur Lebar Tetap (*Home internet*) akan mula ditawarkan?**

Pakej ini mula ditawarkan pada 30 Mac 2023 sehingga 31 Disember 2023.

**9) Saya ialah pelanggan jalur lebar tetap sedia ada dengan di syarikat penyedia perkhidmatan telekomunikasi yang menawarkan Pakej Perpaduan Internet Jalur Lebar Tetap (*Home Internet*). Adakah saya boleh bertukar daripada pakej semasa kepada Pakej Perpaduan Internet Jalur Lebar Tetap (*Home Internet*)?**

Ya, sekiranya anda termasuk di dalam golongan sasaran anda boleh berhubung dengan syarikat penyedia perkhidmatan telekomunikasi sedia ada untuk memohon Pakej Perpaduan Internet Jalur Lebar Tetap (*Home Internet*).

**10) Bagaimanakah saya boleh mengetahui maklumat lanjut mengenai Pakej Perpaduan Jalur Lebar Tetap (*Home internet*) ini?**

Anda boleh melayari laman web syarikat penyedia perkhidmatan telekomunikasi yang terlibat iaitu Telekom Malaysia, CelcomDigi, Maxis dan YTL Communications atau hadir ke mana-mana cawangan syarikat penyedia perkhidmatan telekomunikasi yang berdekatan.

Nota:

- 1) FAQ ini merupakan FAQ asas bagi penawaran Pakej Perpaduan Internet Jalur Lebar Tetap (*Home Internet*). Setiap syarikat penyedia perkhidmatan telekomunikasi akan mengeluarkan FAQ terperinci bagi penawaran Pakej Perpaduan Internet Jalur Lebar Tetap (*Home Internet*) berdasarkan spesifikasi masing-masing; dan
- 2) Dimaklumkan bahawa penawaran Pakej Perpaduan Internet Jalur Lebar Tetap (*Home Internet*) oleh syarikat penyedia perkhidmatan telekomunikasi adalah tertakluk kepada kesediaan infrastruktur di satu- satu kawasan.